



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	2/12/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Kumpulan gajah liar musnah sawit, getah

Pagar elektrik tak berfungsi

Kecurian bateri, komponen lain jejas keselamatan tanaman penduduk

Oleh Mohd Rashidi Yusuf
bhnews@bh.com.my

Lenggong: Kecurian bateri pagar elektrik dikatakan menjadi punca utama kumpulan gajah liar memasuki ladang getah, kelapa sawit, pisang dan kebun milik penduduk di beberapa kampung daerah ini.

Ketua Biro Keselamatan Badan Kebajikan dan Khidmat Masyarakat (BAKIM) Kampung Chepor, Mohd Hanif Abdul Halim, berkata dua daripada sembilan rumah stesen pagar elektrik yang dibina kerajaan dari Bukit Sapi ke Batu Reng, di sini dikesan dipecah ma-

suk, manakala komponen penting dicuri sepanjang tahun ini.

Katanya, pagar elektrik yang dibina dengan kos RM2.4 juta pada 2004 dan 2005 itu melintasi sempadan Kampung Bukit Sapi, Chepor, Luat, Beng dan Batu Reng dengan Hutan Simpan Piah, Banjaran Titiwangsa.

Belian berkata, antara komponen dicuri adalah bateri dan panel solar yang menyebabkan pagar elektrik bagi menghalang haiwan liar, terutama gajah memasuki ladang dan kebun penduduk tidak berfungsi.

"Tinjauan kami mendapati kecurian berlaku di stesen Luat dan



Mohd Hanif (kanan) menunjukkan rumah stesen pagar elektrik yang dipecah masuk di hutan Kampung Beng, Lenggong.
(Foto Mohd Rashidi Yusuf/BH)

Beng, menyebabkan pagar elektrik antara dua lokasi itu sejauh empat kilometer tidak berfungsi.

"Akihatnya, kumpulan gajah liar dapat masuk hingga ke kawasan tanaman penduduk," katanya ketika ditemui, semalam.

Mohd Hanif berkata, lebih 200 pekebun kecil dari lima kampung mengusahakan tanaman getah, sawit, pisang, sayur dan buah-buahan berhampiran kawasan pagar elektrik terjejas kini bertepan risiko tanaman dirosakkan gajah.

Seorang pekebun, Izuddin Nor-din, 62, berkata selain stesen pagar elektrik yang dibina kerajaan itu dipecah masuk dan komponen dicuri, bateri pagar elektrik milik persendirian turut disamun.

Antara dicuri adalah bateri dan panel solar yang menyebabkan pagar elektrik bagi

menghalang haiwan liar, terutama gajah memasuki ladang dan kebun penduduk tidak berfungsi.

Mohd Hanif Abdul Halim, Ketua Biro Keselamatan BAKIM Kampung Chepor

"Saya rugi kira-kira RM7,000 susulan peralatan pagar elektrik yang dibina dicuri dan kemasukan kumpulan gajah menyebabkan kerugian berganda akibat kerosakan tanaman," katanya.

Nasib sama dihadapi Mohd Said Salim, 63, yang kerugian lebih RM1,000 apabila bateri pagar elektrik di kebun getahnya dicuri awal bulan lalu, selain kehilangan barangan lain seperti racun.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Perak, Yusoff Shariff, ketika dihubungi mengesahkan mengenai kes kecurian komponen stesen pagar elektrik berkenaan.